

14/05/2000

Senjata Soros menikam diri

Kadir Dikoh

SPEKULATOR mata wang antarabangsa, George Soros, dikatakan berasa serik dan berikrar untuk tidak lagi mempertaruhkan berbilion dolar dalam spekulasi pasaran mata wang di seluruh dunia. Ini diumumkan di New York baru-baru ini. Ia juga membayangkan kelemahan konsep idealisme kapitalis.

Pengumumannya tidak sukar difahami setelah 'butang komputer' yang dimainkannya untuk jual-beli mata wang, atas angin sepanjang kegawatan ekonomi di Asia tiga tahun lalu, sudah 'memakan' diri.

Soros mengalami kerugian berbilion ringgit baru-baru ini termasuk apabila meletakkan pertaruhan di pasaran wang Eropah melalui syarikat induknya, Quantum Fund.

Malah pertaruhannya secara besar-besaran dalam saham teknologi yang mengalami kejatuhan paling teruk di Nasdaq dua minggu lalu, menjadi duri dalam daging Soros.

Apabila terkena baru terngadah. Itulah Soros yang begitu rakus mahu mengaut keuntungan sehingga mengeketepikan perasaan kemanusiaan apabila berjuta-juta rakyat Asia sengsara sepanjang kegawatan yang mula tercetus pada 1997.

Soros adalah antara puncanya tetapi dia tetap tersenyum apabila kantungnya semakin berisi ketika itu, sedangkan tangisan rakyat Asia langsung tidak menyentuh hatinya.

Memang adat orang berniaga mahu untung. Tetapi keuntungan tidak harus mengorbankan orang lain. Kini mungkin gilirannya untuk menitiskan air mata walaupun dia masih berupaya untuk terus hidup dalam keadaan penuh mewah di kota metropolitan.

"Soros menyebabkan banyak orang sengsara kerana kegiatannya dalam pasaran dan kebanyakan golongan ini adalah orang Islam. Contohnya, Indonesia yang mempunyai 280 juta penduduk dengan 90 peratus beragama Islam. Kini 22 juta rakyatnya yang majoritinya beragama Islam jatuh miskin," kata Penasihat Bank Negara Malaysia (Bank Negara), Datuk Nor Mohamed Yacop mengimbau kembali kegiatan spekulator mata wang itu.

Sambil menyuarakan hasrat mahu mengurangkan risiko terhadap kegiatan berbentuk spekulatif, Soros kini pula mengalih perhatian dengan cuba mengambil kesempatan untuk membeli aset tertentu di Asia yang dianggap masih pada harga murah.

Soros mengintai untuk membeli aset di Indonesia tetapi rakyat negara jiran itu bimbang tindakan Soros bukan untuk membantu ekonomi Indonesia malah menghancurkan seperti yang dilakukan ke atas kebanyakan negara Asia tiga tahun lalu.

Tahun lalu, Quantum Fund miliknya sudah membeli Bank Century Intervest Corporation (CIC), Bhakti Investama. Di CIC, Quatum menguasai 19 peratus saham manakala di Bhakti, 15 peratus.

Soros turut membeli saham syarikat rokok keretek keempat terbesar di Indonesia, Bentoel Prima. Malah, dia juga dikatakan sedang mengintai aset lain yang dimiliki oleh Badan Penyehatan Perbankan Nasional (BPPN) hingga menimbulkan perdebatan di kalangan pelabur.

Tahun lalu, Soros pernah mengirim surat kepada Gus Dur bahawa beliau berminat untuk melabur di Indonesia.

Kita tentu masih ingat betapa angkuhnya Soros apabila dia menempelak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di satu seminar di Hong Kong tiga tahun lalu. Saranan Dr Mahathir supaya sistem kewangan antarabangsa dikawal selia dalam satu ucapan yang mencetus kontroversi di Hong Kong ketika

kegawatan ekonomi mengancam kesinambungan pembangunan Asia pada September 1997 dijadikan bahan ketawa dan dilabel sebagai tidak faham mengenai mekanisme pasaran mata wang yang rumit itu.

Ketika itu, Perdana Menteri mendesak masyarakat kewangan antarabangsa mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing sedia ada kerana amalan itu bertentangan dengan moral kemanusiaan dan tidak produktif sambil menegaskan sistem kuno seperti itu mesti dihapuskan demi kesejahteraan sejagat.

"Saya menyatakan semua ini kerana masyarakat dunia mesti dilindungi daripada mereka yang tamak haloba menyambar keuntungan. Saya tahu saya menanggung risiko apabila membuat cadangan ini tetapi urus niaga itu mesti dihenti dan diharamkan. Kita tidak lagi perlu urus niaga pasaran mata wang.

Kita hanya perlu membeli mata wang jika mahu membiaya perdagangan tulen. Jika tidak, mata wang tidak harus dijual beli seperti komoditi," kata Dr Mahathir yang menggambarkan kekecewaan Malaysia dalam uapcama pada seminar menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di Hong Kong.

Sehari kemudian, Soros yang turut berada di Hong Kong ketika berucap dalam satu seminar Bank Dunia menyerang balas cadangan Dr Mahathir sambil menyifatkan kenyataan itu sebagai mencampuri urus niaga tukar menukar modal.

"Ini adalah `rencah-rencah' kehancuran," kata Soros. Kini, Soros bagaikan `menjilat ludahnya sendiri'. Malah, Soros sendiri pernah menyatakan perlunya diadakan segera reformasi sistem kapitalis sejagat.

Dalam buku terbarunya bertajuk *The Crisis of Global Capitalisation* (Krisis Permodalan Global), Soros antara lain berkata beberapa asas yang menjejaskan sistem kewangan dunia dan jika ini tidak dibendung, sistem kewangan itu akan pecah "dan kita akan menerima kesan buruk daripadanya".

Di New York baru-baru ini, Soros antara lain dilaporkan sebagai berkata: "Sudah tiba masanya kita menamatkan pertaruhan besar-besaran dalam spekulasi pasaran mata wang." Sebelum ini, dia terkenal kerana keberaniannya bertaruh berbilion dolar dalam pasaran mata wang, sekali gus menggugat banyak kerajaan besar dunia.

Serentak itu, Soros mengumumkan penyusunan semula Quantum, yang dianggarkan bernilai AS\$8.5 bilion (RM32.3 bilion), untuk dikenali sekarang sebagai Quantum Endowment Fund.

Spekulator wang Amerika Syarikat itu berkata, mulai sekarang beliau merancang untuk mengubah "cara pengurusan wang saya". Kini Soros dikatakan mahu memberi tumpuan kepada kegiatan berisiko rendah "bagi mendapatkan aliran pendapatan yang boleh diharapkan untuk membiayai kegiatan kebajikannya".

Sebelum itu, dua pengurus dana Soros, Stanley Druckenmiller dan Nicholas Roditi meninggalkan syarikat itu selepas dana syarikat mengalami kerugian sebanyak AS\$5 bilion (RM19 bilion) tahun ini.

Quantum mengalami kerugian 20 peratus dalam tempoh tiga setengah bulan pertama tahun ini. Bagi dunia Barat, Soros disegani kerana kecekapannya membuat pertaruhan pada waktu tepat dalam pasaran mata wang, tetapi taringnya tidak lagi menyengat sejak kebelakangan ini.

Dana Soros mencuba saham teknologi tahun lalu dan berjaya mencatatkan keuntungan sementara bagi menebus kerugian sebelum itu. Bagaimanapun, kejatuhan saham teknologi pada bulan lalu menjejaskan dana Soros.

Beliau meletakkan pertaruhan di pasaran wang Eropah tetapi ia mendatangkan lebih banyak kerugian, menyebabkan Quantum kehilangan satu perlima daripada nilainya dalam dua minggu pertama bulan lalu. Quantum menjual asetnya beberapa minggu lalu untuk mendapatkan kapital bagi menebus kerugian.

"Hari pertaruhan besar telah berakhir. Sekarang lebih sukar untuk mendapat keuntungan besar dalam pasaran mata wang kerana dunia kian cekap," kata Larry Bowman, yang memulakan dana lindung nilainya sendiri selepas meninggalkan Tiger Management (Tiger) pada 1995.

Dana lindung nilai adalah alat pelaburan persendirian bagi individu dan institusi yang kaya. Mereka sering melakukan pertaruhan besar dengan wang yang diperolehi secara pinjaman.

Saiz pelaburan mereka yang besar biasanya menimbulkan kesan buruk terhadap pasaran mata wang antarabangsa. Kedua-duanya, Soros dan Tiger membuat kesilapan dengan melabur dalam sektor saham teknologi yang semakin memberangsangkan tetapi tidak stabil.

"Ini adalah ulang tayang terhadap apa yang berlaku terhadap Tiger Mac lalu. Saham teknologi menjadi pemaku kepada keranda Soros ... silap mereka sendiri kerana masuk dalam gelanggang yang mereka sendiri tidak pakar," kata Bowman. Sejak awal tahun ini, nilai pegangan saham teknologi Quantum menurun 21.4 peratus.

Ketika di Havana baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, selepas pedagang mata wang menyerang ekonomi Asia Timur dan menurunkan nilai saham, mereka kini datang untuk membeli syarikat dan bank dengan harga yang murah.

Soros, katanya, kini aktif di negara jiran Malaysia. Beliau membeli bank dan saham pelbagai syarikat. Soros sudah pun membuat kekayaan yang besar dan membeli 3,000 hektar tanah di Argentina.

"Keuntungan daripada perdagangan mata wang membolehkan pedagang seperti ini hidup senang-lenang. Sebaliknya, banyak manusia yang tinggal di negara yang mengalami serangan pedagang mata wang, mati kerana memberontak dan terbunuh," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan asing.

Dua tahun lalu apabila Malaysia mengejutkan dunia dengan memperkenalkan langkah kawalan modal pada 1 September 1998, Soros menyifatkan langkah itu sebagai melampau.

Majalah Business Week melabelkan Malaysia sebagai Ekonomi Pembelot. Akhbar The New York Times melaporkan pegawai kanan pentadbiran Clinton sebagai berkata peristiwa di Malaysia sebagai satu tragedi dan menganggap langkah itu sebagai kegagalan paling teruk.

Majalah Time elbagaimemetik pakar yang berpusat di Bangkok sebagai berkata: "Mahathir sedang mengubah Malaysia menjadi sebuah Myanmar. Ia akan mewujudkan pasaran gelap untuk mata wang dan akan berlaku panik di dalam negara untuk membeli dolar Amerika Syarikat."

Ahli ekonomi, Milton Friedman, memberitahu dunia bahawa tindakan Malaysia adalah "pilihan paling buruk yang mungkin". International Herald Tribune mengisytiharkan bahawa Malaysia menutup pintunya kepada ekonomi sejagat, satu kenyataan yang amat keras.

Itu adalah antara ulasan pakar ekonomi asing dan tajuk berita akhbar serta majalah asing selain laporan agensi beritanya sebaik saja Malaysia memperkenalkan dasar kawalan modal pada 1 September 1998. Banyak lagi laporan negatif, seolah-olah Malaysia melakukan satu dosa besar kepada dunia.

Ketika itu, pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh pada tahap terendah, 262.70 mata. Malaysia menerima kecaman hebat dan agak malang sekali ketika itu juga tercetus kegawatan politik dalam negara.

"Ini adalah satu negara yang pelabur boleh batalkan daripada senarai pelaburan sejagatnya ... tinggalkan Malaysia dan lebih baik letakkan wang di Pakistan", kata satu kenyataan sebuah syarikat sekuriti dari Perancis, Credit Lyonnais Securities Asia ketika itu.

Setahun kemudian, Dr Mahathir yang selama ini dianggap Barat sebagai mengamalkan dasar ekonomi yang menongkah arus, membuktikan semua tanggapan serta tuduhan itu, meleset. Malah, dunia kini mengakui keberkesanan dasar

kawalan modal itu.

Dasar itu juga menutup terus pintu kepada orang seperti Soros daripada terus menyerang ringgit di luar pesisir. Jika ringgit tidak ditambat pada RM3.80, entah ke paras mana ia terus menjunam apabila Soros bertubi-tubi membelinya di pasaran luar pesisir untuk tujuan spekulatif semata-mata. Nescaya, dasar itu membantu melindungi ekonomi negara daripada digugat anasir asing.

"Jika dasar kawalan modal ditarik balik, bermakna (ekonomi negara) terbuka semula yang memungkinkan orang seperti Soros kembali menyerang. Kita tahu nilai dagangan mata wang dunia ialah AS\$1.5 trilion (RM5.7 trilion), jauh lebih tinggi daripada nilai perdagangan (barangan) sebenar. Andainya, penetapan nilai ringgit dilepaskan (ringgit diniaga mengikut harga pasaran), ekonomi negara akan rapuh kepada tekanan luar dan sekali lagi digugat," kata Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Salleh Majid.

Malah penasihat khas Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara yang lebih dikenali dengan nama jolokan 'Mr Yen', berkata kawalan modal yang diperkenalkan Malaysia adalah berguna untuk menangani krisis kewangan.

Ia harus dianggap sebagai pilihan terbaik yang boleh dicontohi oleh pihak berkuasa lain di rantau ini. Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew juga pernah menyatakan kawalan modal Malaysia adalah satu cara untuk menyekat penindasan dana lindung nilai gergasi seperti yang diketuai Soros.

Sebenarnya, pengaruh Soros sudah berakhir kerana dia sudah diketahui tidak sehebat mana, malah peniaga mata wang umumnya kini tidak lagi mampu menggerakkan pasaran kewangan dunia.

(END)